



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-88727211
Faks : 603-88894479

Rujukan : JDN.100-1/3/1 (22)
Tarikh : 12 Ogos 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Persekutuan dan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PEKELILING PENDIGITALAN PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 4 TAHUN 2025 – DASAR PERKHIDMATAN PRASARANA KUNCI
AWAM KERAJAAN (GOVERNMENT PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE – MyGPKI)**

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Jabatan Digital Negara telah menyediakan Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam Bilangan 4 Tahun 2025 – Perkhidmatan Prasarana Kunci Awam Kerajaan (*Government Public Key Infrastructure – MyGPKI*) yang mengandungi perkara-perkara yang perlu diberi perhatian serta diambil tindakan oleh Agensi-Agensi Kerajaan.

3. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam Bilangan 4 Tahun 2025 – Perkhidmatan Prasarana Kunci Awam Kerajaan (*Government Public Key Infrastructure – MyGPKI*) ini, maka Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 3 Tahun 2015 - Dasar Perkhidmatan Prasarana Kunci Awam Kerajaan [*Government Public Key Infrastructure (GPKI)*] bertarikh 23 Oktober 2015 dibatalkan.

4. Saya berharap perkara ini dapat diberi keutamaan dan tindakan segera untuk memanjangkan kepada jabatan/agensi berkaitan pekeling ini dan arahan ini berkuat kuasa serta merta.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR)